

SULIT

MODUL PINTAS TINGKATAN 5 (SET 3)
1103/2(PP)
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi ____ halaman bercetak.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagikan kepada

- Soalan 1 : **8** markah
- Soalan 2 : **6** markah
- Soalan 3 : **9** markah
- Soalan 4 : **6** markah
- Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja majmuk yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Sengaja menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan pada kata, berikan 0 markah.
8. Kata digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Majmuk

- (i) berterima kasih
 - mengucapkan terima kasih
- (ii) mengambil berat
 - memberikan perhatian, layanan dan sebagainya yang istimewa dan sungguh-sungguh

Perhatian kepada pemeriksa:

Kata **mengambil berat** boleh berfungsi sebagai kata kerja transitif dan juga sebagai kata kerja tak transitif

Kata kerja tak transitif:

*Pihak sekolah sentiasa *mengambil berat* tentang masalah yang dihadapi oleh murid-murid (BETUL)

*Walaupun bukan anak sendiri, Cikgu Azizah selalu mengambil berat terhadap Afiq yang bermasalah pembelajaran. (BETUL)

Kata kerja transitif:

*Dia seorang yang cukup penyayang, yang selalu *mengambil berat* ahli keluarganya. (BETUL)

*Majikan itu sentiasa *mengambil berat* kebajikan pekerja-pekerjanya. (BETUL)

- (iii) mengambil tahu
- mencari maklumat, khabar dan sebagainya tentang sesuatu perkara yang kurang atau tidak diketahui

(kata ini juga sama seperti *mengambil berat*, iaitu boleh digunakan sebagai kata kerja transitif dan juga kata kerja tak transitif)

- (iv) memberitahu
- memberikan maklumat atau khabar kepada (**seseorang**) supaya maklum akan keadaan yang sebenarnya

Perhatian kepada pemeriksa:

*Saya masih belum memberitahu perkara itu kepada ibu. (SALAH)

Saya masih belum memberitahu ibu perkara itu. (BETUL)

- (v) ditemu bual
- diadakan temu bual dengan tokoh, anggota masyarakat, pihak tertentu dan sebagainya

[Maksimum : 8 markah]
(Mana-mana empat yang betul)

Soalan 2 – Sintaksis

	Markah
(i) Bahawa penterjemahan karya sastera menjadi lesu dan kurang diberi perhatian oleh para penterjemah pernah disuarakan.	2
(ii) Penterjemahan karya sastera daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu ternyata berlangsung dengan giatnya melalui kerjasama yang jitu.	2
(iii) Empat siri bicara karya sastera terjemahan bakal berlangsung setiap bulan sebagai usaha menyemarakkan pembacaan karya sastera terjemahan.	2

Maklumat untuk pemeriksa:

- perkataan bercetak **tebal** ialah **subjek** ayat. (*untuk rujukan pemeriksa*)
- Ayat asal tidak disalin oleh calon, **semak seperti biasa** kerana yang penting ialah jawapan dalam ayat bersusunan biasa.
- Jawapan calon terlebih atau terkurang perkataan walaupun bahagian yang lain semuanya sama, berikan 0 markah. Bilangan perkataan dalam ayat songsang (asal) dengan ayat biasa (jawapan calon) **musti sama**.

2 markah	1 markah	0 markah
Jawapan tepat	Ada kesalahan ejaan sahaja	Jawapan tidak sama seperti skema.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

SALAH	BETUL	Penjelasan (<i>untuk rujukan guru</i>)
bermandi manda	bermandi-manda	kesalahan ejaan
kehidupan	hidupan	kesalahan pengimbuhan
di atas	atas	kata sendi nama “di” harus digugurkan kerana tiada konsep ruang, kata “atas” berfungsi sebagai kata sendi nama, bukan kata arah.
mentaati	mematuhi	kesalahan istilah.
Yang di-Pertua / di-Pertua	Yang Dipertua / Dipertua	kesalahan ejaan. “d” mesti huruf besar, tanda sempang mesti digugurkan, dan dieja rapat.

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

SALAH	BETUL	Penjelasan (<i>untuk rujukan guru</i>)
terperosok	terjelepok/ terduduk	Kesalahan istilah
siapakah	siapa-siapakah / sesiapakah	Kesalahan penggunaan Kata ganti nama tak tentu
ibu bapa titikberatkan	dititikberatkan oleh ibu bapa	Kesalahan bentuk pasif diri ketiga
saling ingat- mengingatkan	saling mengingatkan/ ingat-mengingatkan	Kesalahan bentuk lewah

[Maksimum : 4 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Laksamana menyembah, “Ya tuanku, sesungguhnya penjurit/pencuri/askar upahan yang datang/tiba/sampai ini bukanlah sebarang penjurit/pencuri/askar upahan kerana lebih cerdik/hebat/pandai/berilmu daripada patik. Jika ada derma kurnia/perkenan/keizinan, patik hendak memohon ke bawah duli untuk cuba berlawanan/mencabar/menguji dengan penjurit/pencuri/askar upahan itu.”

Raja bertitah, “Sememangnya Laksamana ini tidak boleh berjauhan daripada beta, jika Laksamana pergi berkawal, siapakah yang akan menemaninya beta di istana ini? Yang beta harapkan/percayai hanyalah Laksamana.”

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

	Markah
(i) adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung Maksud	1
- tiap-tiap perbuatan ada adat dan aturannya	1
- tiap-tiap negeri atau tempat mempunyai kebiasaan atau adatnya masing-masing	1
- setiap tempat ada adat atau amalan tersendiri	1
(ii) sakit sama mengaduh, luka sama menyiuks	1
Maksud	
- sama-sama bertanggungjawab	1
- sama-sama memikul kewajipan	1
- sama-sama menghadapi cabaran	1
(iii) tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas Maksud	1
- kekal dan tidak berubah	1
- kekal selama-lamanya	1
- tidak hilang selama-lamanya	1

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum

(i) Maksud dapat dibanteras

- boleh/berjaya/berupaya/mampu dibasmi/dihapuskan/diperangi 2
- boleh/berjaya/berupaya/mampu dibanteras 1
- dapat dibasmi/dihapuskan/diperangi 1

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kesan-kesan terhadap mangsa buli

Bahan 1

- P1 akan melahirkan remaja yang tidak baik dari segi akhlaknya
- P2 cenderung berfikir untuk membunuh diri
- P3 cuba membunuh diri

Bahan 2

- P1 akan berasa tertekan, cemas dan kesunyian sehingga mengakibatkan masalah kemurungan

Bahan 3

- P1 tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran
- P2 mereka akan selalu ponteng sekolah
- P3 prestasi pelajaran mereka akan merosot
- P4 mereka gagal dalam peperiksaan

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Faktor-faktor gejala sosial

- P1 terikut-ikut dengan sikap negatif rakan sebaya/ pengaruh rakan sebaya
- P2 kurang didikan agama dan moral
- P3 pengaruh media massa/ Internet/ media sosial
- P4 perasaan ingin tahu yang tinggi dalam kalangan remaja
- P5 tekanan perasaan/ stres
- P6 melarikan diri daripada masalah keluarga

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Sebagai sahabat yang prihatin, tindakan-tindakan saya untuk membantunya mengatasi masalah tersebut

- P1 menasihati/menegur secara berhemah
- P2 meminta ibu bapa/ahli keluarga lain menasihati
- P3 mengajak rakan berjumpa kaunselor/guru
- P4 meminta bantuan rakan-rakan lain untuk menasihatinya
- P5 mengajak rakan beriadah/melakukan aktiviti yang berfaedah
- P6 mengajaknya untuk mendekatkan diri kepada Tuhan/membanyakkan amalan beribadat

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera

(i) Amalan yang terpuji berdasarkan Bahan 1

- P1 mengamalkan kitar semula
- P2 tidak membuang bekas kosong yang boleh digunakan semula
- P3 tidak mencemarkan sungai
- P4 tidak memusnahkan bukit dan gunung

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kepentingan sungai

Bahan 1

- P1 Sungai yang bersih menjadi kawasan rekreasi

Bahan 2

- P1 Aliran sungai kecil di tengah hutan itu bolehlah kita perbesar untuk dijadikan kolam memancing ikan

Bahan 3

- P1 air sungai sumber kehidupan
- P2 sungai ialah warisan bangsa yang sangat berharga
- P3 sawah menjadi subur dan terurus
- P4 sungai nadi alam semesta

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan. Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Kesan-kesan buruk banjir

- P1 risiko lemas/ kehilangan nyawa
- P2 risiko luka/kecederaan/keselamatan
- P3 penyakit bawaan air/kesihatan terjejas/risiko jangkitan
- P4 kerosakan fizikal/ kemusnahan harta benda/kerugian/kehilangan tempat tinggal
- P5 Tekanan perasaan/emosi terganggu

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan anda

- P1 menegur pengunjung-pengunjung secara berhemah
- P2 menasihati mereka agar membuang sampah di tempat yang sepatutnya
- P3 menyediakan lebih banyak tong sampah di kawasan tersebut
- P4 meletakkan poster-poster/ yang berkaitan dengan kebersihan di tempat yang sesuai
- P5 mendirikan papan tanda peringatan
- P6 mengenakan caj tambahan bagi mereka yang tidak membersihkan tapak perkhemahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 8 – Novel

- (i) Impian yang belum dicapai oleh Nurul Hafsa sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin**

- P1 menjadikan Kuala Selangor, Bukit Melawati dan Balai Cerap Sultan Salahuddin tempat tumpuan para peminat langit seluruh dunia melihat bintang
- P2 dia bercita-cita untuk memberikan ceramah tentang kegiatan memerhati langit untuk kanak-kanak dan remaja
- P3 dia akan melaksanakan program untuk pemerhati langit amatur
- P4 program pendidikan tentang kepentingan langit gelap kepada kanak-kanak sekolah

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8(ii)

(ii) Soalan novel: 6 markah

- a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- d) Bagi 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian/ huraian.
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

Peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran

Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. **Peristiwa:** Peristiwa Adnan dan rakan-rakannya menjalani latihan ketenteraan yang ketat. Latihan-latihan berat bukan sahaja melibatkan ketahanan fizikal bahkan mental. Mereka sangat merindui keluarga dan kampung halaman.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana kesungguhan dan pengorbanan yang perlu dilakukan untuk mencapai cita-cita sebagai seorang askar.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Adnan mengarahkan pasukannya untuk menyelenggara sistem pertahanan di Bukit Candu. Kubu-kubu dan parit-parit dibina dalam usaha menyekat kemaraan musuh. Penghulu Sidek meminta penduduk kampung mengawal Bukit Candu siang dan malam. Penduduk kampung yang mahir menggunakan senjata telah diberikan senapang oleh Leftenan Adnan.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana kepentingan membuat persediaan rapi untuk menentang musuh.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Adnan yang sanggup berjalan kaki dari Kampung Sungai Ramal ke Pekan Kajang, seterusnya dia menumpang lori ke Seremban dan Port Dickson untuk menghadiri temu duga sebagai askar.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana usaha yang gigih akhirnya membolehkan seseorang itu berjaya mencapai cita-cita yang diidam-idamkan.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Pak Saidi menyedekahkan buah-buahan dusunnya apabila dia mengajak sesiapa sahaja yang ingin makan buah-buahan untuk datang ke dusunnya.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana kita perlu bersikap murah hati terhadap semua orang.

5. **Peristiwa:** Peristiwa Adnan yang sanggup berjuang sehingga ke titisan darah terakhir. Tentera Jepun telah berjaya menangkap Leftenan Adnan lalu diserkup dengan guni dan kemudian menggantungkannya yang cedera parah itu pada dahan pokok ceri. Tentera Jepun kemudiannya telah berbaris panjang dan berjalan di bawah pokok ceri itu. Setiap orang yang lalu di bawah pokok ceri itu telah menikam tubuh Leftenan Adnan yang tergantung pada pokok tersebut dengan bayonet.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran bahawa kepentingan memiliki semangat cinta akan tanah air untuk mempertahankan negara daripada dijahah oleh orang asing.

Tirani

1. **Peristiwa:** Peristiwa muka Waheeda dicakar oleh monyet Belanda sehingga cedera dan berparut. Akhirnya, impian Waheeda untuk membuat pembedahan plastik direstui ibu ayahnya kerana wajahnya cedera dan wajah Waheeda menjadi cantik.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana Allah telah memberikan hikmah di sebalik sesuatu kejadian buruk yang menimpa kita.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Dr. Qamariah menasihati Waheeda yang kemurungan agar sentiasa mencari kesalahan diri sebelum menyalahkan orang lain.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana kita hendaklah selalu berfikiran positif dan matang untuk menjalani kehidupan yang bahagia.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda bekerja sementara di Hotel Flamingo ketika menjalani rawatan di Silicon Medical Centre. Dia mempelajari banyak ilmu baharu perhotelan di sana. Dia ingin mengaplikasikan ilmu tersebut di Tajau Emas.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana kepentingan kebijaksanaan seseorang untuk memanfaatkan masanya dengan mencari ilmu pengetahuan.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda menolak dengan baik permintaan bapa mentuanya, Datuk Yasser Arief untuk menggabungkan Syarikat Tajau Emas dengan Seri Gading. Hal ini dikatakan demikian kerana dia ingin berdikari memajukan perniagaan Tajau Emas yang merupakan perniagaan keluarganya. Namun, dia berjanji akan membantu perniagaan mentuanya apabila diperlukan.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana perlulah berdikari dalam hidup dan bijaksana untuk menyelesaikan masalah agar tidak menggores hati mana-mana pihak.

5. **Peristiwa:** Peristiwa Waheeda meminta Izzati untuk menggantungkan kain pua kumbu Sarawak di atas pintu masuk Restoran Iwana dan Kafe Iwani. Hal ini dilakukan untuk mengekalkan budaya dan warisan peribumi Sarawak serta melambangkan wujudnya integrasi nasional.

Huraian: Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran kerana kepentingan perlunya perasaan bangga terhadap budaya sendiri.

(Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) **Isi** – **20 markah**
(b) **Bahasa** – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
 - peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja, yang **selebihnya tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung pada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesinambungan ayat yang <i>sangat</i> baik• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu• Penggunaan kosa kata luas dan tepat• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesinambungan ayat baik• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan

Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa.
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | ... membincangkan usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah / kaedah-kaedah memupuk amalan membaca, kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan membaca dan faktor-faktor / punca-punca / sebab-sebab remaja kurang membaca | 2 |
| P2 | ... membincangkan usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah / kaedah-kaedah memupuk amalan membaca | 1 |
| P3 | ... kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan membaca | 1 |
| P4 | ... faktor-faktor / punca-punca / sebab-sebab remaja kurang membaca | 1 |

Isi [16 markah]

FOKUS 1: usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah / kaedah-kaedah memupuk amalan membaca

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | Program U-Pustaka yang menawarkan 22 pangkalan data dengan 900 000 judul koleksi digital | 2 |
| A2 | Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyusun pelbagai program sepanjang sepuluh tahun dari tahun 2021 hingga tahun 2030 sebagai Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) | 2 |
| A3 | pihak kerajaan melancarkan kempen membaca kebangsaan yang diadakan sepanjang tahun | 2 |
| A4 | penganugerahan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC) oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan Saintifik dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) | 2 |

Bahan 3

- | | | |
|----|---|---|
| B1 | ibu bapa perlu membaca bersama anak-anak di rumah | 2 |
| B2 | membawa mereka ke pameran buku | 2 |

FOKUS 2: kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah / manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan membaca

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| C1 | amalan pemerolehan dan pengukuhan ilmu pengetahuan | 2 |
| C2 | merupakan asas kepada pembangunan diri manusia | 2 |
| C3 | dapat menambah baik penguasaan bahasa dan kefahaman bahan yang dibaca | 2 |
| C4 | dapat menambah perbendaharaan kata yang kita ketahui | 2 |
| C5 | menambah nilai diri setiap individu | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| D1 | menguatkan daya ingatan | 2 |
| D2 | memperoleh kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis | 2 |

FOKUS 3: faktor-faktor / punca-punca / sebab-sebab remaja kurang membaca

Bahan 3

- | | | |
|----|---|---|
| E1 | Remaja kini hanya leka dengan peranti elektronik berbanding membaca | 2 |
| E2 | Ibu bapa sendiri tidak mengamalkan budaya ini ketika di rumah | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, memupuk amalan membaca perlu diperkuuh / ditingkatkan / dititikberatkan / diberi perhatian agar amalan ini menjadi satu budaya. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, memupuk amalan membaca perlu diperkuuh / ditingkatkan / dititikberatkan / diberi perhatian | 1 |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT